

16 AUG 2000

PM SENDIRI AKAN UMUMKAN MB BARU SELANGOR

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri akan mengumumkan Menteri Besar Selangor yang baru.

Pada masa ini Perdana Menteri sedang menimbangkan nama-nama yang layak dan belum lagi membuat keputusan, katanya.

"Ia tidak akan menjadi masalah sebenarnya kerana pihak perhubungan Umno Selangor telah memberi nama dan telahpun juga menyatakan bahawa mereka sedia menerima siapa sahaja yang Dr Mahathir pilih menjadi Menteri Besar Selangor," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pengurusan Umno di ibu pejabat parti di sini.

Abdullah yang ditanya mengenai perlantikan Menteri Besar Selangor itu berkata, beliau turut berbincang dengan Dr Mahathir nama-nama tertentu tetapi keputusannya terserah kepada Perdana Menteri sendiri.

Ditanya mengenai kriteria yang digunakan untuk memilih Menteri Besar Selangor yang baru itu beliau berkata: "kita nak seorang yang boleh menjadi MB yang baik, berkeupayaan dan berkebolehan memimpin dengan baik dan berkesan."

Jawatan Menteri Besar Selangor kosong berikutan perletakan jawatan Datuk Seri Abu Hassan Omar pada 10 Ogos lepas.

-- BERNAMA

AFY GM PR